



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

1/19

BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2024/2025 : SEKILAS DATA



2
NEGERI



7
DAERAH



40
PPS AKTIF



2,742
KELUARGA




9,296
MANGSA



*15
KEMATIAN

Data sehingga jam 12.00 tengah hari

*Data kematian adalah kumulatif sejak 5 November 2024



PETUNJUK

Sempadan Negeri

INDIKATOR MANGSA (ORANG)

1 – 1,000

1,001 – 5,000

Melebihi 5,000



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

2/19

PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Sarawak	Bintulu	9	1,376	4,660	Meningkat
	Serian	7	448	1,525	Tidak Berubah
	Miri	11	350	1,393	Menurun
	Sibu	5	251	828	Meningkat
	Samarahan	4	201	523	Tidak Berubah
	Mukah	3	89	265	Tidak Berubah
	JUMLAH	39	2,715	9,194	Meningkat
Sabah	Kinabatangan	1	27	102	Tidak Berubah
	JUMLAH	1	27	102	Tidak Berubah
JUMLAH KESELURUHAN		40	2,742	9,296	Meningkat

* Trend: Perbandingan dengan data jam 6.00 pagi



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

3/19



SITUASI TERKINI

- Sehingga 3 Februari 2025, jam 12.00 tengah hari, terdapat **7 daerah di negeri Sarawak dan Sabah** dilanda banjir dengan **penurunan jumlah mangsa kepada 9,296 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **10,215 mangsa** pada **3 Februari 2025**). Ia melibatkan **2,742 keluarga** yang ditempatkan di **40 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **menurun berbanding 48 PPS** pada **3 Februari 2025**.
- Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas** adalah di negeri Sarawak, iaitu **Bintulu (4,660 mangsa), Serian (1,525 mangsa)** dan **Miri (1,393 mangsa)**.
- Profil ketiga-tiga daerah tersebut berdasarkan **Dashboard Bencana** yang disediakan oleh pihak NADMA adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **15 kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan **lapan (8) kematian akibat kejadian banjir**, iaitu tiga (3) di Machang, Kelantan, satu (1) di Kapit, Sarawak, satu (1) di Pasir Puteh, Kelantan, satu (1) di Besut, Terengganu, satu (1) di Tumpat, Kelantan dan satu (1) di Dungun, Terengganu serta **tujuh (7) kematian akibat tanah runtuh**, iaitu lima (5) di Miri, Sarawak dan dua (2) di Hulu Terengganu, Terengganu.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Tiga (3) stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi pada 3 Februari 2025** adalah **Hulu Perak, Perak (196.4 mm); Limbang, Sarawak (94.2 mm) dan Sarikei, Sarawak (92.0 mm)**. Jumlah hujan harian tertinggi pada **3 Februari 2025** daripada **Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)** adalah seperti di **Lampiran 2**.
- Berdasarkan analisis terhadap model-model ramalan cuaca terkini, **Iuruan monsun yang sedang berlaku dijangka berterusan sehingga 9 Februari 2025**. Keadaan ini berpotensi menyebabkan **hujan lebat dan berterusan di Sabah dan Sarawak**.
- Sehubungan itu, MET Malaysia pada 4 Februari 2025, jam 5.45 pagi telah mengemaskini **Amaran Hujan Berterusan (Buruk)** yang melibatkan **beberapa daerah di Bahagian Sandakan, Sabah** berkuat kuasa sehingga **5 Februari 2025** serta **Amaran Hujan Berterusan (Waspada)** yang melibatkan **beberapa daerah di Sabah dan Sarawak** berkuat kuasa sehingga **5 Februari 2025**.
- Manakala, MET Malaysia pada 1 Februari 2025, jam 12.30 tengah hari juga telah mengeluarkan **Amaran Angin Kencang** dan **Laut Bergelora** bagi perairan Laut China Selatan berkuat kuasa pada 4 sehingga 7 Februari 2025.

- Situasi cuaca semasa melalui imej radar MET Malaysia mendapati bahawa hujan sedang berlaku di beberapa daerah di Sabah dan Sarawak. **Taburan hujan terkumpul pada 4 Februari 2025** dari jam 12.00 tengah malam sehingga 10.00 pagi adalah seperti di **Lampiran 3**.
- Sehingga 4 Februari 2025, jam 12.00 tengah hari, **dua (2) Ramalan Awal Banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), iaitu **Ramalan Awal Banjir Negeri Sarawak (berkuat kuasa sehingga 5 Februari 2025)** yang melibatkan **21 daerah di Sarawak** dan **Ramalan Awal Banjir Negeri Sabah (berkuat kuasa sehingga 5 Februari 2025)** yang melibatkan **9 daerah di Sabah**.
- Status aras air semasa** sehingga **4 Februari 2025, jam 6.00 pagi** yang dikeluarkan oleh JPS adalah seperti di **Lampiran 4**.



IMPAK

- Bagi tempoh **5 November 2024 hingga 3 Februari 2025**, secara kumulatif seramai **73,435 keluarga** dan **236,714 mangsa** telah ditempatkan di PPS akibat banjir MTL 2024/2025.
- Anggaran bilangan rumah yang masih terkesan pada **4 Februari 2025** adalah sebanyak **2,742 buah rumah**.
- Berdasarkan rekod tanah runtuh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) untuk MTL 2024/2025 pada 4 Februari 2025, terdapat **lima (5) kejadian tanah runtuh baharu** direkodkan di Tatau, Sarawak iaitu Rh Cherurai, Rh Adam ak Linyan, Rh Harty ak Uchong, Rh Kilut anak Along dan Rh Empaling Bu. Kumulatif kejadian tanah runtuh yang direkodkan sepanjang MTL adalah sebanyak **43 kejadian** sehingga 4 Februari 2025.
- JMG Negeri akan meneruskan tinjauan di lokasi tanah runtuh yang berlaku dan mengambil tindakan selanjutnya.
- Mengikut laporan **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** sehingga **4 Februari 2025**, jumlah premis institusi pendidikan terjejas banjir ialah **156 premis**, iaitu:
 - Sarawak: 152 premis** – 146 sekolah rendah, tiga (3) sekolah menengah dan tiga (3) Pejabat Pendidikan Daerah
 - Sabah: 4 premis** – 4 sekolah rendah
- Terdapat **14 premis institusi pendidikan** masih dijadikan PPS yang melibatkan **sembilan (9) sekolah rendah** dan **lima (5) sekolah menengah** iaitu:
 - Sarawak: 12 premis** – tujuh (7) sekolah rendah dan lima (5) sekolah menengah.
 - Sabah: 2 premis** – dua (2) sekolah rendah.
- Seramai **460 orang murid** yang masih berada di **PPS premis institusi pendidikan**, iaitu:
 - Sarawak: 454 orang**
 - Sabah: 6 orang**



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

4/19

- Berdasarkan laporan oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** sehingga **4 Februari 2025**, terdapat **66 fasiliti kesihatan** terjejas banjir berbanding 65 pada 3 Februari 2025; iaitu **36 di Sarawak**: Bintulu (12), Miri (7), Mukah (6), Marudi (2), Serian (2), Sibu (2), Kanowit (2), Limbang (1), Beluru (1) dan Belaga (1) serta **30 di Sabah**; Kota Marudu (11), Beluran (10), Pitas (3), Beaufort (2) Lahad Datu (2), Putatan (1) dan Tongod (1). Perincian fasiliti kesihatan yang terjejas banjir adalah seperti di **Lampiran 5**.
- Daripada jumlah tersebut, sebanyak **58 fasiliti kesihatan masih beroperasi**, manakala **lapan (8) fasiliti kesihatan tidak beroperasi**, iaitu **lapan (8) di Sarawak**: Bintulu (3), Mukah (2), Miri (2) dan Sibu (1).
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan pada **4 Februari 2025**, terdapat **166 stesen pemancar telekomunikasi** terjejas akibat banjir di Sabah dan Sarawak, iaitu **149 di Sarawak**, iaitu: Bintulu (108), Miri (18), Mukah (6), Marudi (4), Sarikei (3), Selangau (2), Kuching (2), Samarahan (2), Sibu (2), Serian (1) dan Tatau (1) serta **17 di Sabah**, iaitu: Pitas (4), Kudat (4), Kota Marudu (3), Kota Belud (2), Telupid (2), Beluran (1) dan Kinabatangan (1).
- Daripada jumlah tersebut, sebanyak **63 stesen** pemancar telekomunikasi **masih tidak beroperasi**, manakala **103 stesen** pemancar telekomunikasi **telah kembali pulih dan beroperasi**.
- Tiada kes yang dilaporkan oleh pemberi perkhidmatan kepada SKMM mengenai insiden melibatkan infrastruktur komunikasi yang mengancam keselamatan orang ramai. Namun pihak SKMM dan pemberi perkhidmatan senantiasa berwaspada dan menerima aduan dari awam dan mana-mana pihak sekiranya ada kes yang melibatkan ancaman keselamatan infrastruktur komunikasi untuk diambil tindakan selanjutnya.



PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaras semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan **2,158,743 mangsa** di seluruh negara. Pecahan bilangan dan kategori PPS di setiap negeri adalah seperti di **Lampiran 6**.
- Bekalan makanan di setiap PPS adalah mencukupi. Senarai **logistik dan fasiliti penyimpanan bantuan bencana** yang disediakan oleh JKM adalah seperti di **Lampiran 7**.
- Lokasi penyimpanan makanan di kawasan yang dilanda banjir adalah di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Stor Bencana dan Pangkalan Hadapan.
- Antara jenis bantuan makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di PPS adalah **makanan berbungkus (packed food)**.
- Selain itu, bantuan lain yang diberikan adalah barang keperluan asas seperti **barang keperluan asas, hygiene kit dan makanan ringan**.
- Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal kepada semua negeri dan Agensi Tindak Balas bagi tujuan pengoperasian dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana semasa MTL 2024/2025.
- Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 8**.
- Pada **31 Januari 2025**, NADMA yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) telah mengadakan perjumpaan bersama Timbalan Residen Bahagian Bintulu, Sarawak bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai situasi banjir yang melanda Bintulu. Berdasarkan mesyuarat tersebut, pengurusan banjir di Bintulu dapat dilaksanakan dengan berkesan dan terselaras hasil kerjasama pelbagai agensi.



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

5/19

- Taklimat adalah fokus kepada perkembangan semasa kejadian banjir di kawasan-kawasan terjejas yang bermula pada 28 dan 29 Januari 2025 melibatkan daerah Bintulu (6 PPS), Sebauh (3 PPS) dan Tatau (1 PPS) dalam Bahagian Bintulu. Tumpuan adalah untuk mengatur kerja-kerja pasca dan pembaikan selain menyediakan pasukan tindak balas pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi jika hujan dan banjir berlaku semula.
- NADMA turut memohon Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB) supaya proses pendaftaran dan pengesahan mangsa dipermudah dan disegerakan bagi mengelakkan kelewatan pembayaran Bantuan Wang Ihsan (BWI).
- Pihak Residen Bintulu juga dimohon untuk menyesuaikan bantuan yang akan diterima daripada Rakan NADMA (RANDEX Joint Operation Command Center bersama GDRN, GLC Demi Rakyat dan Negara dalam Misi Insan Madani, Sarawak Chapter) dan pihak-pihak penyumbang.
- Lawatan kerja NADMA ini diteruskan dengan Mesyuarat Khas JPBB dan YB Dato Sri Tiong King Sing, Ahli Parlimen Bintulu Bersama Agensi di Bahagian Bintulu bagi kerja-kerja pembaikan, bantuan dan pasca. Seterusnya disusuli dengan lawatan di kawasan terjejas banjir (Sebauh dan Tatau) serta PPS di sekitar bandar Bintulu pada 1 Februari 2025.
- Operasi pemindahaan dan penghantaran bantuan kepada mangsa banjir di negeri Sabah dan Sarawak juga menghadapi cabaran kerana ia melibatkan kawasan-kawasan pendalam yang sukar dihubungi akibat terputus jalan perhubungan, bekalan elektrik dan telekomunikasi di samping faktor bentuk muka bumi dan ancaman hidupan liar. Usaha penyampaian bantuan dan kerja-kerja menyelamat menggunakan kenderaan pacuan 4 roda, lori, bot dan helikopter (PDRM, BOMBA). Walaubagaimanapun, ia agak terhad dan bantuan akan dimohon kepada pihak NADMA jika keadaan memerlukan. Di samping itu, turut berlaku runtuh dan mendapan tanah di beberapa kawasan. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang mengambil tindakan di kawasan tersebut.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



MAKLUMAT PERGERAKAN NGO

- Bermula Monsun Timur Laut MTL 5 November sehingga 4 Februari 2025, terdapat **678** pelaporan pergerakan telah direkodkan oleh **Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)** yang berdaftar di bawah **Rakan NADMA**. Ia melibatkan penyaluran bantuan seperti makanan dan minuman, kit kebersihan, pakaian, bantuan mencari dan menyelamat, logistik dan keperluan bayi di negeri-negeri yang dilanda banjir. NGO turut menyumbang ahli sukarelawan bagi membantu pelaksanakan kerja-kerja pengagihan bantuan, khidmat pembersihan, mengemas kelas dan sumbangan set generator, memasang khemah dan membantu di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- Penyelarasaran bantuan NGO di Sarawak telah dikoordinasikan oleh NADMA, JPBN dan JPBB Sarawak.
- Misi 1 Fasa 1: Pengagihan 3,000 paket kit kebersihan dan barang makanan asas di enam (6) bahagian di Sarawak.** Usaha sama antara GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN) dan Rakan NADMA melalui Sekretariat Randex yang diketuai oleh Red A Humanitarian, Yayasan TM, NGO Sarawak, dan CSO SDG Alliance. Proses perolehan kit makanan asas dan kebersihan sedang berjalan.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

- Tip Keselamatan Banjir :**
 - ✓ Bersedia dengan beg kecemasan;
 - ✓ Segera berpindah ke PPS yang disediakan apabila diarahkan;
 - ✓ Pergi ke tempat tinggi dan selamat;
 - ✓ Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, badan air dan sungai; dan
 - ✓ Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalgencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

6/19

Lampiran 1

PROFIL KAWASAN YANG TERUK TERJEJAS BANJIR BERDASARKAN DASHBOARD BENCANA NADMA

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN	JUMLAH ISI RUMAH	SEKOLAH	FASILITI KESIHATAN	JUMLAH HOTSPOT BANJIR
1.	Bintulu	178,646	46,979	42,791	30	4	3
2.	Serian	85,345	29,766	21,663	70	9	7
3.	Miri	248,877	81,646	62,093	55	10	3



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400


4 FEBRUARI 2025

7/19

Lampiran 2

JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI PADA 3 FEBRUARI 2025

BIL.	NEGERI	DAERAH	STESEN METEOROLOGI	TOTAL (mm)
1.	PERAK	Hulu Perak	Stesen Janaletrik Bersia	196.4
2.	SARAWAK	Limbang	Stesen Meteorologi Limbang	94.2
3.	SARAWAK	Sarikei	Pertanian Sarikei	92.0
4.	SARAWAK	Mukah	Stesen Meteorologi L.T. Mukah	89.4
5.	SARAWAK	Kapit	Pertanian Kanowit	65.4
6.	SARAWAK	Sri Aman	Lingga	65.1
7.	SARAWAK	Miri	Curtin University	60.7
8.	SABAH	Keningau	Stesen Meteorologi Keningau	49.8
9.	SABAH	Tawau	Stesen Meteorologi L.T. Tawau	48.0
10.	SARAWAK	Sibu	Stesen Meteorologi L.T. Sibu	47.0



* Hanya stesen yang merekodkan hujan melebihi 20.0 mm dipaparkan



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)


<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

8/19

Lampiran 3

TABURAN HUJAN TERKUMPUL PADA 4 FEBRUARI 2025 DARI JAM 12.00 TENGAH MALAM HINGGA 10.00 PAGI





LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

9/19

Lampiran 4

STATUS AIR SEMASA PADA 4 FEBRUARI 2025, JAM 6.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI SARAWAK

2

Stesen	Ilembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Air Semasa	Status	Trend
Tubau	Batang Kemenan	Bintulu	6.2	6.8	7.5	7.71	BAHAYA	Menurun
Kuala Binyo	Batang Kemenan	Bintulu	5.2	5.8	6.0	7.04	BAHAYA	Menurun
Sebauh	Batang Kemenan	Bintulu	1.27	1.57	1.97	2.45	BAHAYA	Tiada Perubahan
Long Teru	Batang Baram	Miri	6.0	7.0	8.0	9.02	BAHAYA	Menaik
Marudi	Batang Baram	Miri	2.79	3.09	3.25	3.96	BAHAYA	Menaik
Nanga Lemai B	Batang Balingian	Sibu	2.8	3.1	3.8	5.56	BAHAYA	Menaik
Sungai Salim B	Batang Rajang	Sibu	2.65	2.8	3.1	3.31	BAHAYA	Menurun

PRABN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

10/19

STATUS AIR SEMASA PADA 4 FEBRUARI 2025, JAM 6.00 PAGI

3

STATUS ARAS AIR SEMASA DI SARAWAK



Stesen	Iembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Air Semasa	Status	Trend
Kuala Tutong	Batang Suai	Miri	4.0	4.5	5.0	4.71	AMARAN	Menurun
Batu Niah Bazaar	Sungai Miri	Miri	2.62	4.72	5.22	4.92	AMARAN	Menurun
Tamin	Batang Oya	Sibu	7.0	7.5	8.5	8.02	AMARAN	Tiada Perubahan
Durin Bazaar	Batang Rajang	Sibu	3.5	4.0	4.5	4.08	AMARAN	Menurun
Dalat Wharf	Batang Oya	Mukah	3.8	4.2	4.68	4.51	AMARAN	Tiada Perubahan



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

11/19


STATUS AIR SEMASA PADA 4 FEBRUARI 2025, JAM 6.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI SABAH



Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Air Semasa	Status	Trend
Sg. Kinabatangan di Barek Manis	Sungai Kinabatangan	Kinabatangan	4.5	5.5	6.5	6.96	BAHAYA	Menaik

STATUS ARAS AIR SEMASA DI MELAKA



Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Air Semasa	Status	Trend
Sg. Siput di Kg. Sg. Siput (F2)	Sungai Linggi (Melaka)	Alor Gajah	6.0	7.0	8.0	7.55	AMARAN	Menaik



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

12/19

STATUS AIR SEMASA PADA 4 FEBRUARI 2025, JAM 6.00 PAGI

RINGKASAN STATUS ARAS AIR SEMASA

(4 FEBRUARI 2025, 6.00 PAGI)



6

NEGERI	ARAS BAHAYA (BILANGAN)	ARAS AMARAN (BILANGAN)
Sarawak	7	5
Sabah	1	0
Melaka	0	1
JUMLAH	8	6



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

13/19

Lampiran 5

MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS BANJIR: KEMAS KINI PADA 4 FEBRUARI 2025

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT	STATUS OPERASI	PERKHIDMATAN DIPINDAHKAN (TEMPAT)	TARIKH TUTUP	TARIKH BUKA SEMULA	TAHAP SEVERITI	KATEGORI FASILITI
1	Sabah	Beaufort	Klinik Desa Gadong	Beroperasi	-	15/12/2024	16/12/2024	4	KD
2	Sarawak	Bintulu	KK Kakus	Beroperasi	-	-	-	1	KK
3	Sarawak	Bintulu	KK Kuala Tatau	Beroperasi	-	-	-	1	KK
4	Sarawak	Miri	KK Ulu Teru	Beroperasi	-	-	-	1	KK
5	Sarawak	Bintulu	KK Sangan	Beroperasi	-	-	-	2	KK
6	Sabah	Beluran	KK Paitan	Beroperasi	-	-	-	2	KK
7	Sabah	Beluran	KK Sungai-Sungai	Beroperasi	-	-	-	2	KK
8	Sabah	Beluran	KK Lingkabau	Beroperasi	-	-	-	2	KK
9	Sabah	Beluran	KK Tangkarason	Beroperasi	-	-	-	2	KK
10	Sabah	Pitas	KD Pinggan-Pinggan	Beroperasi	-	-	-	1	KD
11	Sabah	Pitas	KD Kanibungan	Beroperasi	-	-	-	1	KD
12	Sabah	Pitas	KK Dadun	Beroperasi	-	-	-	1	KK
13	Sarawak	Miri	KK Long Teru	Beroperasi	-	-	-	1	KK
14	Sarawak	Mukah	KK Nanga Baoh	Tidak Beroperasi	-	1.2.2025	-	6	KK
15	Sarawak	Mukah	KK Matu	Beroperasi	-	-	-	1	KK
16	Sarawak	Bintulu	KK Kakus	Beroperasi	-	-	-	1	KK
17	Sarawak	Bintulu	KK Sangan	Beroperasi	-	-	-	3	KK
18	Sarawak	Sibu	KK Sungai Arip	Beroperasi	-	-	-	1	KK
19	Sarawak	Bintulu	KK Tubau	Beroperasi	-	31.1.2025	2.2.2025	3	KK



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

14/19

MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS BANJIR: KEMAS KINI PADA 4 FEBRUARI 2025

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT	STATUS OPERASI	PERKHIDMATAN DIPINDAHKAN (TEMPAT)	TARIKH TUTUP	TARIKH BUKA SEMULA	TAHAP SEVERITI	KATEGORI FASILITI
20	Sarawak	Bintulu	KK Nanga Tau	Beroperasi	-	-	-	3	KK
21	Sarawak	Belaga	KK Uma Sambop	Beroperasi	-	-	-	2	KK
22	Sarawak	Bintulu	KK Labang	Beroperasi	-	-	-	2	KK
23	Sabah	Beaufort	KK Gadong	Beroperasi	-	-	-	2	KK
24	Sarawak	Limbang	KK Batu Danau	Beroperasi	-	-	-	1	KK
25	Sarawak	Kanowit	KK Nanga Tada	Beroperasi	-	-	-	3	KK
26	Sarawak	Mukah	KK Medong	Beroperasi	-	-	-	1	KK
27	Sarawak	Marudi	KK Long Bemang	Beroperasi	-	-	-	2	KK
28	Sarawak	Marudi	KK Ulu Teru	Beroperasi	-	-	-	2	KK
29	Sarawak	Miri	KK Suai Tegageng	Beroperasi	-	-	-	2	KK
30	Sarawak	Miri	KK Long Loyang	Beroperasi	-	-	-	2	KK
31	Sarawak	Bintulu	KK Nanga Tau	Beroperasi	-	-	-	3	KK
32	Sarawak	Serian	KK Tebakang	Beroperasi	-	-	-	2	KK
33	Sabah	Kota Marudu	KD Timbang Batu	Beroperasi	-	-	-	1	KD
34	Sabah	Kota Marudu	KD Tagaroh	Beroperasi	-	-	-	2	KD
35	Sabah	Kota Marudu	KD Marudu	Beroperasi	-	-	-	1	KD
36	Sabah	Kota Marudu	KD Masalog	Beroperasi	-	-	-	1	KD
37	Sabah	Kota Marudu	KD Salimandut	Beroperasi	-	-	-	1	KD
38	Sabah	Kota Marudu	KD Samparita	Beroperasi	-	-	-	1	KD



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

15/19

MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS BANJIR: KEMAS KINI PADA 4 FEBRUARI 2025

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT	STATUS OPERASI	PERKHIDMATAN DIPINDAHKAN (TEMPAT)	TARIKH TUTUP	TARIKH BUKA SEMULA	TAHAP SEVERITI	KATEGORI FASILITI
39	Sabah	Kota Marudu	KD Gana	Beroperasi	-	-	-	1	KD
40	Sabah	Kota Marudu	PSS Samparita	Beroperasi	-	-	-	1	PSS
41	Sabah	Kota Marudu	KD Gohsen	Beroperasi	-	-	-	1	KD
42	Sabah	Kota Marudu	KD Marak Parak	Beroperasi	-	-	-	1	KD
43	Sabah	Kota Marudu	KD Tanjung Batu	Beroperasi	-	-	-	1	KD
44	Sabah	Beluran	KK Paitan	Beroperasi	-	-	-	2	KK
45	Sabah	Beluran	KK Sungai-Sungai	Beroperasi	-	-	-	2	KK
46	Sabah	Beluran	KK Lingkabau	Beroperasi	-	-	-	2	KK
47	Sabah	Beluran	KK Tangkarason	Beroperasi	-	-	-	2	KK
48	Sabah	Beluran	KK Telupid	Beroperasi	-	-	-	2	KK
49	Sabah	Beluran	KK Agas-Agas	Beroperasi	-	-	-	2	KK
50	Sarawak	Bintulu	KP SK Tatau	Tidak Beroperasi	-	31.1.2025	-	6	KP
51	Sarawak	Bintulu	KP SK Bintulu	Tidak Beroperasi	-	31.1.2025	-	6	KP
52	Sarawak	Bintulu	KP SK Assyakirin	Tidak Beroperasi	-	31.1.2025	-	6	KP
53	Sarawak	Miri	KP RTC Bekenu	Tidak Beroperasi	-	31.1.2025	-	7	KP
54	Sarawak	Serian	KK Engsengei	Beroperasi	-	-	-	3	KK
55	Sabah	Tongod	KD Karamuk	Beroperasi	-	-	-	2	KD
56	Sarawak	Sibu	KD Tamin	Tidak Beroperasi	-	1.2.2025	-	6	KD
57	Sarawak	Miri	KK Bekenu	Tidak Beroperasi	-	1.2.2025	-	6	KK
58	Sabah	Putatan	KK Putatan	Beroperasi	-	-	-	2	KK



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

16/19

MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS BANJIR: KEMAS KINI PADA 4 FEBRUARI 2025

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT	STATUS OPERASI	PERKHIDMATAN DIPINDAHKAN (TEMPAT)	TARIKH TUTUP	TARIKH BUKA SEMULA	TAHAP SEVERITI	KATEGORI FASILITI
59	Sabah	Lahad Datu	KD Segama	Beroperasi	-	-	-	1	KD
60	Sabah	Lahad Datu	KD Sapagaya	Beroperasi	-	-	-	2	KD
61	Sarawak	Beluru	KK Long Jegan	Beroperasi	-	-	-	2	KK
62	Sarawak	Miri	KK Senadin	Beroperasi	-	-	-	2	KK
63	Sarawak	Kanowit	KK Machan	Beroperasi	-	-	-	2	KK
64	Sarawak	Mukah	KK Sesok	Beroperasi	-	-	-	2	KK
65	Sarawak	Mukah	KK Teh	Beroperasi	-	-	-	2	KK
66	Sarawak	Mukah	KP SK Orang Kaya Selair	Tidak Beroperasi	-	2.2.2025	-	4	KP

NOTA: KK= KLINIK KESIHATAN

KD= KLINIK DESA

KP= KLINIK PERGIGIAN

PSS= PUSAT SUB SEKTOR



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

17/19

Lampiran 6

PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS)

KATEGORI PPS	BIL. PPS	%
SEKOLAH	5,063	60
BALAIRAYA / DEWAN	2,457	29
MASJID / SURAU	572	6
PUSAT KOMUNITI SETEMPAT / LAIN-LAIN	389	5
JUMLAH	8,481	100

NEGERI	JENIS PUSAT PEMINDAHAN				JUMLAH
	SEKOLAH	BALAIRAYA / DEWAN	MASJID / SURAU	PUSAT KOMUNITI / LAIN-LAIN	
JOHOR	767	313	33	26	1,139
KEDAH	538	119	124	11	792
KELANTAN	314	45	47	42	448
KUALA LUMPUR	52	52	3	30	137
LABUAN	1	28	0	0	29
MELAKA	317	49	1	1	368
NEGERI SEMBILAN	139	76	3	4	222
PAHANG	429	359	66	28	882
PERAK	833	196	19	3	1,051
PERLIS	104	15	2	0	121
PULAU PINANG	296	58	23	23	400
SABAH	90	171	13	58	332
SARAWAK	259	274	27	97	657
SELANGOR	701	408	33	12	1,154
TERENGGANU	223	294	178	54	749
JUMLAH	5,063	2,457	572	389	8,481



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

18/19

Lampiran 7

LOGISTIK DAN FASILITI PENYIMPANAN BANTUAN BENCANA

BIL.	NEGERI	DEPOH SIMPANAN KEPERLUAN BENCANA (DSKB)	STOR NEGERI	STOR DAERAH	MINI DEPOH / KONTENA	PANGKALAN HADAPAN
1.	Perlis	-	1	-	-	1
2.	Kedah	1	-	6	7	-
3.	Pulau Pinang	-	-	5	2	2
4.	Perak	-	1	13	9	-
5.	Selangor	1	-	12	2	37
6.	Kuala Lumpur	-	1	1	1	-
7.	Negeri Sembilan	-	2	7	-	-
8.	Melaka	-	1	3	4	-
9.	Johor	1	1	10	3	23
10.	Pahang	1	1	11	14	156
11.	Terengganu	1	-	9	13	150
12.	Kelantan	1	-	17	5	160
13.	Sarawak	1	-	12	3	27
14.	Sabah	1	1	21	5	5
15.	Labuan	-	-	1	-	-
JUMLAH		8	9	128	68	561



LAPORAN HARIAN BENCANA #15

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 FEBRUARI 2025

19/19

Lampiran 8

JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	SARAWAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)	260	4x4/SUV/VAN: 10, BOT/JETSKI: 11, LORI/FRT/LFRT: 14, MOTOSIKAL: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	190	4x4/SUV/VAN: 8, BOT/JETSKI: 9, LORI/FRT/LFRT: 22
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	240	4x4/SUV/VAN: 24, BOT/JETSKI: 16
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	136	4x4/SUV/VAN: 19, BOT/JETSKI: 5, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	170	-
2.	SABAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)	317	4x4/SUV/VAN: 15, BOT/JETSKI: 20, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	2	4x4/SUV/VAN: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	16	4x4/SUV/VAN: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	6	-

Catatan : Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan banjir sahaja.